



KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI,  
ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM  
MINISTRY OF ENERGY, SCIENCE, TECHNOLOGY, ENVIRONMENT & CLIMATE CHANGE



# GARIS PANDUAN

Pengimportan Sekerap Logam ke  
MALAYSIA

**ISI KANDUNGAN**

<b>Perkara</b>	<b>Muka Surat</b>
KATA PEGANTAR	ii
PENGENALAN	1
SKOP	1
DEFINISI	2
PROSIDUR PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA	3
TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG TERLIBAT	3
KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM	5
PENUTUP	5
<u>SENARAI LAMPIRAN</u>	
LAMPIRAN 1 - CARTA ALIR PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA	6
LAMPIRAN 2 - SENARAI SEMAK PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA	7
LAMPIRAN 3 - PENERANGAN BERKAITAN JENIS-JENIS SEKERAP LOGAM YANG DIIMPORT	
SEKERAP BESI	8
SEKERAP TEMBAGA	11
SEKERAP ALUMINIUM	15

## KATA PENGANTAR

Sekerap logam merupakan bahan buangan yang boleh diproses semula bagi menghasilkan produk logam di dalam bentuk *ingot, billet, slab, bloom* atau *beam*. Kitar semula sekerap logam ini mempunyai nilai yang tinggi telah menyebabkan sekerap logam menjadi salah satu bahan dagangan dan menyebabkan berlakunya pergerakan merentasi sempadan. Aktiviti kitar semula sekerap logam yang menggunakan teknologi yang berkeupayaan tinggi akan meminimakan penghasilan residu dan kesan kepada alam sekitar.

Malaysia adalah merupakan negara anggota kepada Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya. Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebagai Pihak Berkuasa Kompeten mempunyai obligasi untuk melaksanakan pematuhan ke atas syarat-syarat konvensyen tersebut.

Pergerakan merentasi sempadan bahan berbahaya adalah tertakluk kepada prosedur *Prior Informed Consent* di bawah Konvensyen Basel di mana kelulusan daripada Pihak Berkuasa Kompeten negara pengimport dan negara transit hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum buangan boleh dieksport.

Garis panduan ini merupakan dokumen panduan kepada pihak pemegang taruh mengenai keperluan di dalam pengimportan sekerap logam ke Malaysia untuk tujuan kitar semula tanpa mengabaikan alam sekitar.

Diharap garis panduan ini dapat membantu pihak yang terlibat dalam memastikan sekerap logam yang diimport tidak dicemari dengan buangan terjadual bagi memastikan alam sekitar terpelihara.

### **Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama.**

Norlin Bt Jaafar  
Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim.

## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Garis Panduan Pengimportan Sekerap Logam ke Malaysia adalah bertujuan untuk memberi penjelasan tentang kriteria bahan sekerap yang dibenarkan dan yang tidak dibenarkan untuk diimport.
- 1.2 Kod tariff bagi sekerap logam terpakai adalah:-
- i) HS 7204 iaitu *ferrous waste and scrap; remelting scrap ingots of iron or steel.*
  - ii) HS 7404 iaitu *copper waste and scrap.*
  - iii) HS 7602 iaitu *aluminium waste or scrap.*
- 1.3 Import sekerap logam ini perlu mendapat surat ulasan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) seperti yang dinyatakan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017. **Tiada sebarang kelulusan diperlukan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS).** Walau bagaimanapun, pengimport perlu mendapatkan surat ulasan daripada JAS bagi memastikan sekerap logam yang diimport tidak diklasifikasikan sebagai buangan terjadual atau definisi bahan berbahaya atau lain-lain buangan di bawah Konvensyen Basel.
- 1.4 Sekerap logam yang diimport yang tidak mematuhi had batasan yang ditetapkan, akan dikategorikan sebagai buangan terjadual dan pihak yang terlibat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
- 1.5 Pengimportan buangan terjadual tanpa kelulusan Jabatan Alam Sekitar merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan jika sabit kesalahan, **boleh didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit (RM 500,000.00) dan penjara mandatori selama tempoh tidak melebihi lima tahun.**

## 2.0 SKOP

- 2.1 Garis Panduan ini disediakan selaras dengan keperluan Seksyen 34B(1)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, kawalan ke atas pengimportan buangan terjadual ke Malaysia.
- 2.2 Garis Panduan ini disediakan bertujuan memberi panduan kepada pihak pemegang taruh dalam memastikan sekerap logam yang diimport tidak mengandungi atau dicemari oleh bahan-bahan yang membolehkannya:-

- i) diklasifikasikan sebagai buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005; atau
- ii) tertakluk di bawah definisi bahan berbahaya atau lain-lain buangan di bawah Konvensyen Basel.

2.3 Pihak yang terlibat di dalam pengimportan sekerap logam iaitu:-

- i) Pengimport (Pengilang).
- ii) Pengimport (Syarikat Pedagang).
- iii) Ejen-ejen penghantaran dan logistik.
- iv) Pengangkutan kargo dan *carriers / shipping liners*.

### 3.0 DEFINISI

3.1 Definisi bagi tujuan garis panduan ini adalah:

“Sekerap logam” bermaksud bahan buangan yang boleh diproses semula terdiri daripada bahan-bahan sisa kitar semula daripada produk pembuatan dan penggunaan.

“*E-waste*” bermaksud buangan daripada pemasangan elektrik dan elektronik yang mengandungi komponen seperti akumulator, suis raksa, kaca daripada tiub sinar katod dan kaca teraktif atau kapasitor bifenil terpoliklorin yang lain, atau yang dicemari dengan kandungan kadmium, raksa, plumbum, nikel, kromium, kuprum, litium, perak, mangan atau bifenil terpoliklorin.

“Buangan terjadual” bermaksud apa-apa bahan buangan yang termasuk di dalam kategori buangan yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.

“*Homogenous*” bermaksud tidak bercampur dengan bahan pencemar atau mana-mana buangan terjadual yang lain.

“*Depollution certificate*” bermaksud sijil nyahpencemaran iaitu bebas daripada bahan pencemar yang disahkan oleh pihak berkuasa negara pengekspor.

#### 4.0 PROSIDUR PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA

- 4.1 Carta alir yang menerangkan tatacara pengimportan sekerap logam ke Malaysia adalah seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran 1.
- 4.2 Dokumen-dokumen yang perlu dikemukakan semasa permohonan pengimportan sekerap logam ke Malaysia adalah seperti yang dinyatakan di dalam Lampiran 2.
- 4.3 Penerangan berkaitan jenis-jenis sekerap logam bagi maksud garis panduan ini adalah seperti di dalam Lampiran 3.

#### 5.0 TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG TERLIBAT

- 5.1 Pengimport (Pengilang):-
  - i) Premis telah beroperasi dan mematuhi sepenuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
  - ii) Memastikan pengurusan *e-waste* (SW110) yang terhasil daripada kerja-kerja pengasingan (*segregation*) dikendalikan mengikut kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
  - iii) Melaksanakan audit alam sekeliling berdasarkan kepada Seksyen 33A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap pengurusan *e-waste* bermula daripada pemunggaan di pelabuhan sehingga pelupusan ke premis yang ditetapkan.
  - iv) Memastikan ruang/kapasiti penstoran bahan sekerap logam yang diimport adalah mencukupi, berbumbung dan mengamalkan *housekeeping* yang baik.
  - v) Memastikan sekerap logam yang diimport tidak tercemar dengan sebarang buangan terjadual dan bahan asing yang boleh menyebabkan proses kitar semula dijalankan secara tidak *environmentally sound manner*.
  - vi) Melantik badan pemeriksa yang bertauliah yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia atau pihak berkuasa di negara pengeksport untuk memeriksa setiap konsainan sebelum penghantaran bagi memastikan sekerap logam tidak mengandungi atau dicemari oleh bahan berbahaya yang

mbolehkannya tertakluk sebagai bahan berbahaya atau apa-apa buangan di bawah Konvensyen Basel.

## 5.2 Pengimport (Syarikat Pedagang):-

- i) Syarikat pedagang adalah tidak dibenarkan mengimport sekerap logam. Pertimbangan hanya akan dibenarkan bagi pengimportan sekerap logam secara langsung melalui dagangan atau pihak ketiga berdasarkan invois yang disahkan daripada kilang keluli bagi aktiviti pembuatan keluli dan daripada fasiliti kitar semula yang sedia.
- ii) Melantik badan pemeriksa yang bertauliah yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia atau pihak berkuasa di negara pengeksport untuk memeriksa setiap konsainan sebelum penghantaran bagi memastikan sekerap logam tidak mengandungi atau dicemari oleh bahan berbahaya yang mbolehkannya tertakluk sebagai bahan berbahaya atau apa-apa buangan di bawah Konvensyen Basel.

## 5.3 Ejen penghantaran dan logistik, pengangkutan kargo dan *carriers / shipping liners*:-

- i) Memastikan *consignee* yang diisytiharkan adalah pengilang atau syarikat pedagang yang mempunyai premis yang sah.
- ii) Memastikan pengisytiharan barangan dagangan adalah benar dan sama dengan dagangan yang dihantar atau diangkut.

## 6.0 KRITERIA DAN SYARAT-SYARAT PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM

### 6.1 Kriteria sekerap logam yang dibenarkan diimport adalah:

- i) Sekerap logam yang diimport hendaklah *homogenous* dan tidak bercampur atau tercemar dengan sebarang buangan terjadual.
- ii) Laporan Pemeriksaan dari negara pengeksport hendaklah disertakan yang mengesahkan bahawa kandungan *e-waste* di dalam setiap *shipment* hendaklah tidak melebihi **had batasan 0.3%** daripada jumlah berat keseluruhan sekerap logam yang diimport.
- iii) Sebarang campuran buangan terjadual selain daripada *e-waste* adalah dilarang.

6.2 Syarat-syarat bagi pengimportan sekerap logam adalah:

- i) Premis hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- ii) Premis hendaklah mempunyai lesen pengilang (Manufacturing License, ML) di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- iii) Mempunyai lesen operasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- iv) Menjalankan aktiviti pemprosesan kitar semula bahan sekerap logam yang diimport.
- v) Kuantiti sekerap logam yang diimport adalah tidak melebihi kapasiti pemprosesan sedia ada.
- vi) Sijil pengesahan kandungan peratusan *e-waste* daripada badan pemeriksa yang bertauliah yang diiktiraf oleh Jabatan Standard Malaysia atau pihak berkuasa di negara pengeksporth.
- vii) Sijil nyahpencemaran (*depollution certificate*) yang disahkan oleh pihak berkuasa negara pengeksporth.


## 7.0 PENUTUP

7.1 Garispanduan ini berkuatkuasa serta-merta.



LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PENGIMPORAN SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA



\* Nota: Had batasan ewaste adalah merujuk kepada para 6.1 (ii)

## LAMPIRAN 2



**SENARAI SEMAK  
PROSIDUR MENGIMPOR SEKERAP LOGAM KE MALAYSIA BAGI  
HS KOD 7404, 7204 dan 7602**

NO.	PERKARA
1.	<p>Surat Permohonan Rasmi secara bertulis mengandungi maklumat seperti berikut:</p> <p>(i) Jenis Logam atau bukan logam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Metal Scrap.</i></li> <li>• <i>Aluminium Scrap.</i></li> <li>• <i>Copper Scrap.</i></li> <li>• <i>Aluminium Wire.</i></li> <li>• <i>Copper Wire.</i></li> </ul> <p>(ii) HS Code.</p> <p>(iii) Kuantiti Import.</p> <p>(iv) Syarikat Pengesport.</p> <p>(v) Negara Pengeksport.</p> <p>(vi) Tempat masuk pelabuhan di Malaysia.</p>
2.	Invois /Pro-forma Invois/ <i>Purchase Order.</i>
3.	<p>Pengesahan daripada pihak Berkuasa Negara Pengeksport:</p> <p>(i) Kandungan peratusan <i>e-waste</i> (kurang dari 0.3%).</p> <p>(ii) <i>Depollution Certificate.</i></p>
4.	<p>Profil syarikat Pengimport:</p> <p>(i) Salinan Sijil Pendaftar Syarikat (SSM).</p> <p>(ii) Penerangan mengenai aktiviti syarikat.</p> <p>Salinan kelulusan daripada pihak berkuasa seperti berikut:</p> <p>(i) MITI (Lesen Pengilang).</p> <p>(ii) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> <p>(iii) JAS (EIA) – bagi aktiviti yang ditetapkan.</p>

**Permohonan yang telah lengkap boleh dikemukakan kepada:**

Pengarah  
Bahagian Bahan Berbahaya  
Jabatan Alam Sekitar  
Aras 2, Podium 3, Wisma Sumber Asli No.25, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62574 PUTRAJAYA

## LAMPIRAN 3

## PENERANGAN BERKAITAN JENIS-JENIS SEKERAP LOGAM

## 1. SEKERAP BESI

- i. Sekerap logam besi adalah terdiri daripada sekerap logam besi dan sekerap keluli tahan karat. Sekerap logam kebiasaannya diperolehi daripada sektor perindustrian, pembinaan dan juga syarikat-syarikat pengumpul dan pengedar barang lusuh daripada negara pengeksport.
- ii. Contoh sekerap logam yang **boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 1.
- iii. Contoh sekerap logam yang **tidak boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 2.
- iv. Namun senarai ini tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja.

**Jadual 1: Contoh sekerap besi yang boleh dipertimbangkan untuk import**

	<p>Sekerap besi yang tidak dicemari buangan terjadual.</p>
	<p>Sekerap keluli tahan karat (<i>stainless steel</i>) yang tidak dicemari buangan terjadual.</p>

Jadual 2: Contoh sekerap besi yang tidak boleh dipertimbangkan untuk import

	<p>Sekerap motor elektrik yang mengandungi bahan berbahaya seperti suis merkuri (SW422).</p>
	<p>Sekerap daripada bahagian enjin kenderaan untuk tujuan pemprosesan besi dan bukan untuk diguna semula sebagai alat ganti kenderaan, yang dicemari minyak terpakai (SW422).</p>
	<p>Sekerap transformer (SW422).</p>



Sekerap logam yang dicemari buangan terjadual (SW422).



Sekerap logam yang bercampur dengan e-waste (SW110) yang melebihi had batas 0.3% daripada jumlah berat keseluruhan sekerap logam yang diimport.



## 2. SEKERAP TEMBAGA



- i. Sekerap tembaga adalah terdiri daripada apa-apa sahaja sekerap yang mengandungi tembaga. Terdapat pelbagai jenis sekerap tembaga iaitu sekerap tembaga seperti tembaga daripada wayar yang telah diasingkan penebat, sekerap bahan-bahan tembaga dan wayar tembaga dengan penebat.
- ii. Contoh sekerap tembaga yang **boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 3.
- iii. Contoh sekerap tembaga yang **tidak boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 4.
- iv. Namun senarai ini tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja.


**Jadual 3 Contoh sekerap tembaga yang boleh dipertimbangkan untuk import**

	<p>Wayar/kabel tembaga tanpa penebat.</p>
	<p>Sekerap tembaga.</p>

	<p>Sekerap wayar tembaga dari isi rumah.</p>
	

**Jadual 4** Contoh sekerap tembaga yang tidak boleh dipertimbangkan untuk import

	<p>Wayar/kabel tembaga berpenebat plumbum (SW422).</p>
<p><b>Lead sheath construction</b></p>  <p><b>Lead Sheath</b> Environmentally not conducive due to use of Lead</p> <p>Most preferred construction for petrochemical industries and refineries despite of environmental impact</p>	



Wayar/kabel tembaga yang mengandungi minyak atau gris (SW422).



Wayar/kabel tembaga berpenibat asbestos (SW422).






Wayar/kabel tembaga yang bercampur dengan e-waste (SW110).



### 3. SEKERAP ALUMINIUM

- i. Sekerap aluminium adalah terdiri daripada apa-apa sekerap aluminium.
- ii. Contoh sekerap aluminium yang **boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 5.
- iii. Contoh sekerap aluminium yang **tidak boleh dipertimbangkan** untuk diimport adalah seperti ditunjukkan di dalam Jadual 6.
- iv. Namun senarai ini tidak terhad kepada yang disenaraikan sahaja.

**Jadual 5: Contoh sekerap aluminium yang boleh dipertimbangkan untuk import**

	<p>Sekerap aluminium yang <i>homogenous</i> dan tidak dicemari buangan terjadual.</p>
--	---

**Jadual 6: Contoh sekerap aluminium yang tidak boleh dipertimbangkan untuk import**

	<p>Sekerap aluminium daripada kenderaan (SW422).</p>
	<p>Sekerap aluminium yang bercampur atau dicemari buangan terjadual (SW422).</p>